



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	7/7/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JPNP			

### 18 pekebun musang king bakal didakwa Sinar, 7 Jul 2021 4

**KUANTAN** - Seramai 18 pekebun haram durian musang king yang ditahan reman pada Isnin telah dibebaskan dengan jaminan polis pada Selasa dan bakal berdepan dengan tindakan undang-undang.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Datuk Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, pihaknya kini dalam proses mempercepat pertuduhan ke atas semua pekebun terbabit.

"Saya sahkan semua 18 pekebun telah dibebaskan dengan jaminan polis pada pagi Selasa.

"Sekarang pihak JPNP sedang bertungkus lumus menyiapkan kertas pertuduhan untuk dikemukakan kepada mahkamah di bawah Akta Perhutanan Negara 1984," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Pada Ahad, JPNP menahan 18 pekebun haram durian musang king dalam operasi penguatkuasaan di Hutan Simpan Kekal Batu Talam di Raub.

Jabatan itu dalam kenyataannya memaklumkan, sepanjang operasi itu dijalankan, mereka berdepan dengan keadaan provokasi pekebun haram termasuk membuat halangan kepada kenderaan untuk keluar dan masuk ke kawasan berkenaan.

Menurut kenyataan itu, anggota jabatan tersebut juga dihalang daripada menjalankan tugas.

